

ISSUE #59/16 NOVEMBER 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



BANDUAN MENGGEAR!

ADAPTASI KAITHI MALAYSIA DIPUJI



Banduan Terima Pujian Karthik Sivakumar, Barisan Pelakon Tempatan Beri Segalanya

Filem Banduan muncul sebagai naskhah adaptasi tempatan Kaithi yang paling mendapat perhatian, idea berani penerbit untuk menghasilkan versi Melayu turut mendapat pujian dari produksi asal India.

Filem ini bukan sekadar menawarkan aksi segar, tetapi turut memaparkan pelbagai cabaran daripada bintang-bintang utamanya iaitu Datuk Aaron Aziz dan Datuk Rosyam Nor .

Lebih membanggakan, pelakon asal Kaithi, Karthik Sivakumar, memuji kualiti produksi Malaysia yang disifatkannya berjaya mengekalkan jiwa dan intensiti versi asal.

Banduan hadir sebagai bukti kemampuan filem tempatan menghasilkan adaptasi yang meyakinkan dan berkualiti tinggi. - ASYRAF ROSLAN, NURIN JASNI





Banduan: Tangan Cedera & Banyak Scene Ditunda, Aaron Aziz Tetap Teruskan Lakonan - "Show Must Go On..."

Pelakon, Datuk Aaron Aziz berkongsi pengalamannya berdepan pelbagai cabaran dan rintangan ketika membawa watak Dali dalam filem Banduan.

Aaron atau nama penuhnya Aaron Mustapha Aziz berkata antara momen yang paling diingatnya ialah ketika dia perlu mengendalikan sebuah lori dalam filem berkenaan sehingga babak tersebut terpaksa ditunda banyak kali atas sebab masalah teknikal.

"Scene lori adalah paling banyak sekali isu seperti masalah break, gear dan rosak sehingga banyak kali kami terpaksa tunda hari pengembaraan. Kru produksi pun bekerja keras dari pagi hingga ke malam untuk memastikan pengembaraan berjalan dengan lancar.

"Kadang-kadang saya juga ada melakukan kesilapan seperti tersalah masuk gear. Ini kerana lori itu tidak boleh memasuki gear satu dan gear dia tidak seperti kereta biasa. Saya pun tidak tahu mana satu gear yang betul, saya redah sahaja dan kadang break dia tak cukup kuat atau kurang kuat," katanya.

Bagaimanapun, anak kelahiran Singapura itu tetap memandang perkara tersebut dari sudut positif kerana menganggap ia adalah pengalaman serta pembelajaran bermakna buatnya.

"Walaupun agak mencabar, saya anggap ini adalah sebahagian dari pembelajaran juga," ujarinya.

Sementara itu, Aaron turut berpendapat bahawa setiap manusia layak untuk menerima peluang kedua dan kita tidak seharusnya menilai seseorang hanya dari luaran atau sejarah lampau.

Aaron percaya bahawa kadang-kala bekas banduan juga memiliki jiwa yang lebih besar daripada kebanyakan orang.

"Semua orang buat salah sama ada kena tangkap atau tidak, saya sendiri ada pengalaman ramai kawan-kawan bekas banduan, saya akui mereka mempunyai jiwa yang lebih besar daripada orang yang tak masuk penjara. Hanya kerana dia bekas banduan, badan ada tatu dan bekas gangster, kadang-kadang hati mereka lebih mulia dari ustaz," tambahnya.



Adaptasi Filem Popular Kaithi, Penerbit Banduan Janji Kelainan - "Saya Rasa Peminat Malaysia Pun Tidak Pernah..."

Filem pecah panggung India, Kaithi yang mencetus fenomena pada tahun 2019 menjadi inspirasi dan adaptasi kepada filem aksi tempatan terbaru berjudul Banduan.

Penerbit Banduan, Kalyana Devan berkata idea membuat filem berkenaan dalam versi Melayu tercetus selepas dia menonton filem asal itu.

"Filem Kaithi ditayangkan pada 2019 dan masa tu saya cakap, filem aksi hebat ni patut ada versi Melayu. Saya jumpa penerbit asal dan bentangkan idea saya. Dia setuju dan puji idea tu," katanya.

Penerbit Kreatif, Thanendran Thanesvaran pula yakin Banduan akan menarik perhatian penonton tempatan kerana jalan ceritanya yang berbeza dari filem asal.

"Untuk membawa jalan cerita ini ke India yang kita tahu sangat popular, saya merasakan yang rakyat Malaysia akan hargai karya ini. Saya rasa orang Malaysia pun tidak pernah lihat gambar dengan jalan cerita seperti ini," ujarnya.

Seorang lagi penerbit, Kathiravan R berkata mereka cuba -

menyeimbangkan babak aksi dan emosi supaya ia memberi impak kepada penonton.

"Aksi akan nampak kosong tanpa emosi. Kami cuba sebaiknya untuk seimbangkan aksi dan emosi," jelasnya.

Rosyam Nor Lepas 'Gian' Buat Babak Aksi Dalam Banduan

Pelakon, Datuk Rosyam Nor akui meminta sendiri daripada pengarah, Krol Azmi untuk mengadakan babak aksi untuknya di dalam filem Banduan.

Menurut Rosyam dalam versi asal filem tersebut iaitu Khaiti watak nspector tidak mempunyai sebarang adegan pertarungan.

"Saya takut orang tertanya kenapa tangan saya cedera jadi saya minta untuk jadikan sebab. Nanti orang akan cakap, 'Alah, kau tak boleh buat lorry, tiba-tiba tangan kau dah macam ni kan?' Jadi, dia bagi saya peluang untuk fight," jelasnya.

Dalam pada itu, Rosyam juga akui masih lagi boleh melakukan filem-filem aksi meskipun sudah berusia.

"Alhamdulillah, walaupun saya berusaha macam ni, saya masih lagi boleh fight. Dan ada beberapa fight, 2-3 fight yang saya buat dalam cerita ni. Saya lepas gian sikit kan?"

"Tak ada masalah. Kalau awak tengok, saya menjaga fizikal saya. Dan saya memang memerlukan watak-watak yang macam tu, yang agresif," tambahnya.

3 Kes Cerai Bertukar Buruk Bahana Media Sosial

Berkahwin dan kemudian bercerai bukanlah kehidupan yang diinginkan oleh pasangan suami isteri yang pernah tidur sekatil, makan bersuap serta mengharungi susah senang bersama.

Namun apabila takdir berkata lain, impian bersama ke jannah terpaksa berakhir dengan perceraian. Bagi sudah jatuh ditimpa tangga, ada kes cerai yang sepatutnya menjadi rahsia 'kain dalam' habis diselak dan terselak pada era digital.

Berikut tiga kes perceraian di Malaysia yang membabitkan individu terkenal telah bertukar menjadi semakin buruk dengan campur tangan pengguna media sosial. - MALIAH SURIP

Nubhan & Dr Afifah



Tiada siapa menyangka dalam kebahagiaan dan kerukunan rumah tangga yang ditampilkan di media sosial antara penyanyi Nubhan dengan isteri, Dr Afifah, hubungan mereka juga berdepan masalah. Malah selepas Dr Afifah mengumumkan diceraikan Nubhan dalam kereta, ibu tiga anak itu juga mendedahkan bukan pertama dilepaskan penyanyi itu. Nubhan dan Dr Afifah telah pernah bercerai sebelum ini dan perceraian yang baru berlaku adalah kali kedua buat mereka.

Hal yang membuatkan kes rumah tangga pasangan ini menjadi buruk apabila spekulasi bertebaran di media sosial tentang punca perceraian mereka ; antaranya didakwa kerana orang ketiga daripada pihak Nubhan dan ibu Dr Afifah dikatakan meminta RM5 juta daripada penyanyi itu. Setelah sempat berlaku beberapa siri kekecohan, Nubhan 'menutup mulut' khalayak dengan mengaku semua kesalahan yang terjadi sehingga rumah tangga yang berusia 10 tahun terpaksa berakhir.

Uqasha Senrose & Kamal Adli

Kisah rumah tangga Uqasha Senrose dengan Kamal Adli menjadi kecoh selepas pelakon wanita itu mendedahkan sedang bergelut dengan masalah meski baru empat tahun berkahwin.

Uqasha memfailkan perceraian terhadap Kamal pada 1 Oktober lalu dengan alasan tiada lagi persefahaman. Namun kisah rumah tangga mereka menerima banyak campur tangan dalam kalangan pengguna media sosial apabila 'terbelah' kepada dua - penyokong Uqasha dan penyokong Kamal.

Kini kes perceraian mereka masih berjalan. Sewaktu peguam bela Uqasha menarik diri, Kamal berusaha menyelamatkan rumah tangga mereka.



Cik Epal & Jofliam

Kes perceraian pasangan pempengaruh Cik Epal dan Jofliam adalah 'hidangan' paling buruk yang dapat dilihat oleh semua pengguna media sosial.

Bukan hanya bercerai kerana dakwaan curang, bergaduh di media sosial malah kes tuntutan hak penjagaan anak-anak atau hadanah pasangan ini juga mencuri perhatian apabila Cik Epal dan Jofliam 'tidak segan' mempamerkan drama mereka kepada umum.

Malah selepas lebih setahun bercerai, pasangan ini terus menjadi mangsa buli siber dalam kalangan pengikut masing-masing.



Jangan Lupa, Que Haidar Sebelum Trend Jamilah Adalah Amy Mat Piah!

Ini bukan anekdot tentang menghalalkan atau mengharamkan sesuatu perbuatan yang telah dilakukan lalu mendapat beragam pandangan.

Ini hanya anekdot tentang siapa Que Haidar, aktor lelaki yang tiba-tiba menjadi bualan kerana trend Jamilah yang bersepah-sepah di media sosial sejak minggu lalu.

Ini adalah pengenalan buat generasi masa kini bahawa Tengku Iskhan Shah Tengku Haidar yang memakai nama pentas Que Haidar merupakan seorang anak seni berwibawa dan disegani dalam industri hiburan terutama di layar filem dan kaca televisyen.

Jauh sebelum Que, 46, terjebak dengan 'permainan' media sosial dan 'Jamilah-nya', beliau telah membintangi pelbagai genre filem dan drama yang meletakkannya pada satu aras tersendiri sebelum beliau perlahan memperlancarkan karier setelah berkahwin demi memberi tumpuan kepada keluarga.

Sekadar menyebut beberapa karya lakonan Que yang cukup mengesankan adalah karakter ciptaan sutradara tersohor, Allahyarham Mamat Khalid menerusi filem Rock! Oo - beliau adalah rocker kampung bernama Amy Mat Piah.

Lakonan bersahaja dengan mimik muka dan skrip tanpa bersalah yang dilontar dipadankan dengan imej yang dibina dalam filem sekuel Rock yang ditayangkan pada 2013 itu membuatkan Que sehingga kini glamor dengan panggilan Amy Mat Piah dalam kalangan generasi yang lahir dan membesar bersama lakonannya.

Selain Amy Mat Piah, Que juga terkenal sebagai Deris menerusi filem satira Zombie Kampung Pisang ; yang keduanya menampilkan sisi beliau sebagai pemain watak humor.

Sebagai anak seni, bakat Que diiktiraf. Beliau pernah membawa pulang pengiktirafan Pelakon Harapan lelaki, Festival Filem Malaysia (FFM) ke-19 menerusi filem Castello (2006) lewat lakonan hebatnya sebagai Sepet dan drama Malek yang ditayangkan pada 2018 lalu tidak akan pernah membuatkan bakat semula jadi Que padam.

Hari ini, meski Que, si penyandang duda anak dua setelah rumah tangga yang dibina dengan guru tari Linda Jasmine kandas pada Julai lalu dilihat 'menyerikan' dunia media sosial dengan konten merapu tayang badan 'sado' dan mencari Jamilah membuat namanya meledak dan disebut-sebut, ketahuilah beliau memiliki sejarah sebagai anak seni sejati yang cukup banyak.

Hanya barangkali, Que yang terkenal baik hati dan penuh humor sengaja mengisi masa mengikuti 'permainan' media sosial untuk menghibur hati.

Dan Que, satu pesanan, nanti kalau sudah jumpa Jamilah, jangan lupa pulang ke pangkal jalan - tabur peluru tajam, kepakaran lakonan anda dalam dunia drama dan perfileman. - MALIAH SURIP

'Babah' Dinobatkan Filem Terbaik & Amir Ahnaf Pelakon Lelaki Harapan FFM34 Menerusi Kahar: Kapla High Council

Festival Filem Malaysia ke-34 (FFM34) menyaksikan filem Babah diumumkan sebagai Filem Terbaik selepas menewaskan empat calon hebat iaitu Blood Brothers: Bara Naga, Reversi, Takluk: Lahad Datu dan Soloz: Game of Life.

Kemenangan itu sekaligus mencatat sejarah apabila buat pertama kalinya, Kementerian Komunikasi dan FINAS memperkenalkan insentif khas berupa Dana Kandungan Kreatif (DKK) bernilai RM1 juta kepada pemenang kategori ini.

Tidak hanya naskhah, malah pengarah filem Babah, Shah Faizul juga turut diumumkan sebagai pemenang Pengarah Harapan Terbaik.

Babah juga menyapu bersih beberapa trofi lain iaitu Pelakon Lelaki Terbaik (Qi Razali), Pelakon Wanita Terbaik (Sweet Qismina), Cerita Asal Terbaik (Nadia Nadzri) dan Lakon Layar Terbaik (Wan Rafiq).

Dalam pada itu, FFM34 juga turut menyaksikan kejayaan pelakon muda berbakat besar iaitu Amir Ahnaf dinobatkan sebagai Pelakon Harapan menerusi filem Kahar: Kapla High Council,

Antara saingan Amir yang turut berada dalam kategori berkenaan adalah Fadhli Masoot (Kahar: Kapla High Council), Hun Haqem (Soloz: Game of Life), Koh Teng Huat (You Are My Son) dan Vijay Ganesh (Mirugasirisham)

Filem yang mencetuskan fenomena itu diarahkan oleh Razaisyam Rashid, manakala skrip ditulis oleh 'creator' Project: High Council, Anwari Ashraf bersama beberapa penulis lain.

Malah filem terbitan Astro Shaw dengan kerjasama GSC, HM Entertainment dan ZAK Capital ini juga telah menjadi kegemaran penonton dan menerima ulasan positif.





Pengarah: Riri.Riza

Pelakon: El Putra Sarira, Leya Princy, Jasmine Nadya, Katyana Mawira, Kyandra Sembel, Daniella Tumiwa

Genre: Drama

Mengisahkan Cinta, pelajar popular yang berbakat dan disayangi ramai. Hidupnya sempurna, dikelilingi sahabat baik seperti Alya, Maura, Milly dan Karmen.

Namun, semuanya berubah apabila keputusan pertandingan puisi sekolah mengumumkan Rangga, pelajar pendiam dan misteri, sebagai pemenang lantas mencetuskan pertemuan yang akhirnya menukar takdir keduanya.



Pengarah: Ruben Fleischer

Pelakon: Jesse Eisenberg, Woody Harrelson, Dave Franco, Isla Fisher, Justice Smith, Dominic Sessa, Ariana Greenblatt, Rosamund Pike, Morgan Freeman

Genre: Jenayah/Thriller

Kali ini, The Four Horsemen bersatu lagi dengan misi baru yang lebih berisiko. Mereka harus merekrut tiga ahli silap mata genius untuk menjalankan misi mencuri berlian dijaga ketat oleh keluarga sindiket kejahatan paling berpengaruh.

Apakah mereka akan berhasil menipu para penjenayah yang lebih berbahaya?



Pengarah: Nam Dae-Joong

Pelakon: Kang Ha-Neul, Kim Young-Kwang, Cha Eun-Woo, Kang Young-Seok, Han Sun-Hwa

Genre: Komedi

Empat sahabat sejati pernah berangan untuk mengembara ke luar negara, namun hidup sering mengatur haluan lain. Tahun demi tahun berlalu, mereka akhirnya memulakan perjalanan yang sekian lama tertangguh, kini lebih berusia namun belum tentu lebih bijaksana.

Apa yang dirancang sebagai percutian santai berubah menjadi kekecohan tidak dijangka, dipenuhi detik kelakar yang melampau, lencongan absurd dan emosi lama yang kembali menghantui. Perjalanan pertama mereka bersama akhirnya menjadi sebuah pengembaraan luar biasa yang tidak akan dilupakan sesiapa.

Tan Boon Heong, Tracie Sinidol, Hilang Dalam Rindu Pegang Takhta GMW

Carta Gempak Most Wanted minggu ini menyaksikan lagu Lebih Indah Berpisah nyanyian Bella Astillah dan Ade Govinda terus menjadi lagu paling hangat, diikuti Peluk serta Arah Cinta Sejati.

Dalam senarai video muzik pula, karya P Ramlee Saloma oleh ALPHA berada di tangga teratas, manakala Hilang Dalam Rindu kekal sebagai drama paling mendapat perhatian.

Arena creator digital turut menyerlah dengan Eima Safuan memimpin kategori Beauty and Fashion, Steph Beauty mendahului kategori Entertainment dan Mira Burger mendahului kategori Foodie, sementara Tan Boon Heong terus unggul dalam kategori Sports.

Untuk kategori personaliti, Tracie Sinidol muncul sebagai selebriti paling trending, manakala Rashdan Samsudin mendahului senarai hos digital pilihan ramai.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Digital Creator Trending (Beauty & Fashion)

1. Eima Safuan
2. Cuna
3. Nana Lee
4. Sandra Hanayu
5. Leslie Png

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

1. Tan Boon Heong
2. Dibo
3. Johan Ghazali
4. Gege
5. Ankel S4m

TOP 5 Drama Trending


1. Hilang Dalam Rindu
2. Setia Itu Mahal
3. Thariq Ridzuwan
4. Rumah Tanpa Luka
5. Pabila Dia Tersenyum

TOP 5 Selebriti Trending

1. Tracie Sinidol
2. Jazmy Juma
3. Meerqeen
4. Harissa Adlynn
5. ALPHA

TOP 5 Hos Program Digital Trending

1. Rashdan Samsudin
2. Datuk Aznil Nawawi
3. Farhan Mazlan
4. Muhammad Noor
5. Harith Zazman



‘Home Of Drama’ Astro Sajikan Kisah Sarat Emosi Dan Penuh Saspens - ‘Bahagia Yang Tertangguh’ & ‘Impiana: Karma’ Sebagai Penutup Tahun 2025

Menjelang hujung tahun, Astro bakal mempersembahkan dua karya baharu di bawah jenama Home of Drama, menawarkan jalan cerita menarik untuk tontonan di Astro Ria.

Mengangkat tema cinta dan dendam, slot MegaDrama kali ini menjanjikan kisah penuh emosi dan konflik menerusi drama Bahagia Yang Tertangguh yang akan menemui para penonton mulai 17 November ini, diikuti dengan drama Impiana: Karma yang penuh dengan elemen saspens dan ketegangan pada 19 November.

Menyusuli kejayaan Mandul Bukan Pilihan, Oka Aurora kembali dengan Bahagia Yang Tertangguh, adaptasi novel Rissa Ahdiya yang mengisahkan seorang wanita terperangkap dalam perkahwinan dikawal kakak ipar hingga terpaksa menanggung keluarga suaminya sehingga rumah tangganya musnah. Kehadiran seorang jiran lelaki kemudian membuka ruang harapan baharu dan mengajarnya mencari semula cinta serta kebahagiaannya sendiri.

Sementara itu, Impiana: Karma menampilkan kisah sekumpulan sahabat lama yang bersatu semula sebelum terlibat dengan sebuah syarikat misteri yang menawarkan kejayaan bersyarat. Ketika impian mereka mula tercapai, mereka akhirnya menyedari bahawa setiap keinginan hadir bersama akibat. Diadaptasi daripada siri novel popular karya Ain Maisarah, drama ini antara adaptasi yang paling dinantikan penonton.

Naib Presiden Strategi Pembangunan Kandungan Hiburan Melayu, Astro, Raqim Ahmad berkata Astro kekal komited dalam menyampaikan kandungan berkualiti tinggi dengan jalan cerita yang memberi impak serta terus menginspirasi dan menghiburkan para penonton di Malaysia.

“Bahagia Yang Tertangguh dan Impiana: Karma merupakan antara hadiah istimewa Astro buat penonton sempena penutup tahun ini, menampilkan naskah dengan jalan cerita yang menyentuh perasaan, lakonan mantap serta mesej yang penuh makna,” katanya.

Drama Bahagia Yang Tertangguh karya Osman Ali menampilkan barisan pelakon hebat yang diterajui oleh Nad Zainal, Izzue Islam, Rozita Che Wan, Kamal Adli dan Datin Seri Nina Jureen.

Manakala, Impiana: Karma arahan Eyra Rahman menghimpunkan barisan pelakon popular pilihan penonton seperti Che Puan Juliana Evans, Ezzanie Jasny, Adriana Adnan, Yuna Rahim, Sharifah Haneesya, Tiz Zaqyah, Nas-T, Aniq Suhair dan Lorenzo Irmann.

Bahagia Yang Tertangguh dan Impiana: Karma boleh disaksikan secara On Demand di Astro GO dan sooka. Langgan Pek Astro One, hanya RM49.99 sebulan.

Strim hiburan tanpa henti untuk seisi keluarga dan tingkatkan pengalaman penstriman anda dengan Astro Fibre 500Mbps beserta Pek Hiburan pada harga RM139.99 sebulan.

Layari www.astro.com.my atau WhatsApp ke 03-9543 3838 untuk melanggan atau menaik taraf hari ini.





INNOVATHON Kembali Lagi Dengan Musim Ketiga, Tawar Hadiah Keseluruhan RM1.65 Juta

Program realiti inovasi, INNOVATHON kembali untuk musim ketiga dengan skala lebih besar dan peningkatan penyertaan kepada 2,032 peserta berbanding 1,003 tahun lalu.

Nilai keseluruhan Dana Sokongan Pembangunan Perniagaan turut dinaikkan kepada RM1.65 juta, mencerminkan komitmen kerajaan memperkukuh budaya inovasi.

Musim terbaharu ini mengetengahkan kelainan dengan uji bakat bersasar di lima lokasi utama termasuk Cradle Fund, NIH dan UiTM Melaka, manakala uji bakat terbuka pula berlangsung di enam zon seluruh negara.

Pemenang bakal membawa pulang hadiah wang tunai sehingga RM100,000 dan dana sokongan perniagaan bernilai RM500,000.

Sebanyak lapan episod INNOVATHON Musim Ketiga akan disiarkan mulai 6 Disember 2025 di Astro Ria dan TV1. Program yang kembali menampilkan Awal Ashaari dan Amelia Henderson sebagai hos ini terus menjadi platform penting untuk mengetengahkan inovator tempatan serta produk berimpak tinggi.



Manifestasi Sheila Majid 40 Years In Music

Karya Legenda ciptaan Datuk Habsah Hassan dan Fauzi Marzuki benar-benar menjadi cerminan perjalanan seni Datuk Sheila Majid yang diraikan menerusi konsert Sheila Majid 40 Years In Music, sebuah persembahan dua jam di Axiata Arena yang memperlihatkan disiplin, kesederhanaan dan kekuatan karya tanpa keperluan penampilan berlebihan.

Dengan simbolik warna rubi sempena empat dekad karier, Sheila memukau ribuan peminat melalui suara, karisma dan gubahan segar lagu-lagu ikonik seperti Sinaran, Emosi dan Legenda, disokong pasukan pemuzik berpengalaman seperti Mac Chew, Jenny Chin, Tohpati dan Jennifer Thompson.

Konsert ini bukan sekadar pentas nostalgia tetapi manifestasi kecintaan serta profesionalisme seorang penghibur legenda yang terus menyatukan penonton pelbagai kaum melalui bahasa seni, dan Sheila turut mengumumkan bahawa Sheila Majid 40 Years In Music akan diteruskan di Singapura pada 2026. - MALIAH SURIP

Hafiz Suip Tak Sangka Dapat Kejutan Dari Ibu Bapa, Anggap Sebagai Momen Paling Berharga - "Saya Terharu Orang Yang..."

Penyanyi, Hafiz Suip berkongsi perasaan terharu apabila menerima kejutan daripada ibu dan ayahnya semasa membuat persembahan di konsert sulungnya, Di Sebalik Aku: Hafiz Suip, malam semalam.

"Sejujurnya memang saya yang bawa mak saya dari Kuching ke Kuala Lumpur, tetapi saya tak jangka mak saya turut naik ke atas pentas juga. Saya terharu orang yang saya sayang datang melihat persembahan saya dan ia merupakan momen paling bermakna buat saya," katanya

Dalam perkembangan lain, Hafiz turut memecahkan rekod peribadi apabila menganjurkan konsert yang dihadiri lebih 3,500 peminat. Antara lagu yang dibawa ialah Bahagiamu Deritaku, Awan Nano, Ombak Rindu, Ku Akui, Matahari dan lain-lain. Konsert ini turut menampilkan Adira, Umai dan Sufi Rashid yang menambahkan seri dan kemeriahan malam tersebut.





Financial Faiz

@financialfaiz 

QR Code Ganti Salam Kaut? Privasi Tetamu Mungkin Terjejas

Meletakkan QR Code di meja tetamu untuk menerima sumbangan daripada orang ramai untuk sebuah majlis perkahwinan dilihat sebagai satu trend baharu menggantikan 'salam keruk' yang sering diamalkan oleh orang-orang dahulu.

Namun, menurut pendidik kewangan, Faiz Azmin walaupun perkara itu dilihat biasa bagi sesetengah pihak namun tindakan meminta duit secara terbuka di majlis kahwin boleh memberi gambaran yang kurang baik.

Faiz menjelaskan bahawa dari sudut agama, rukun nikah tidak pernah mewajibkan sesiapa mengadakan majlis kahwin mewah, apatah lagi meminta sumbangan tetamu untuk menampung kos percutian atau honeymoon.

"Bila kita nak nikah, rukun nikah ada lima. Tak ada satu pun kata kena buat wedding, pelamin atau honeymoon.

"Kalau hidup susah dan minta sedekah, itu bukan penghinaan. Tapi kalau wedding mahal-mahal, kemudian minta sedekah untuk vacation, itu tak kena," katanya.

Faiz menambah bahawa kaedah QR Code tanpa pengurusan betul boleh menyebabkan tetamu rasa tidak selesa kerana jumlah sumbangan mereka boleh dilihat secara jelas oleh tuan rumah.

"Bila bayar pakai QR, bila buka statement akan nampak nama orang dan amount. Privacy hilang. Nanti orang cakap, 'Oi pakcik ni bagi RM20 je, datang bawa 5 orang,'" tambahnya.



Faiz juga menyeru pasangan supaya berkahwin mengikut kemampuan, bukannya mengejar standard perkahwinan yang memaksa mereka menanggung hutang atau mengharapkan bantuan tetamu.

"Kalau korang nak kahwin, kahwin ikut kemampuan sendiri. Kalau anak sultan, duit banyak, tak apa kahwin mahal. Tapi kalau tak mampu, buat nikah biasa pun okay. Jangan sampai openly minta duit untuk kahwin," ujarnya lagi.



Artist Paints Sultan's Portrait On Songket

A Malaysian artist named Wisyi painted a highly detailed portrait of Sultan Sallehuddin of Kedah directly onto a traditional songket fabric, embellishing the work with Swarovski crystals. The piece went viral after being shared on Threads, and it took Wisyi about 18 days to complete.



5 International Icons Who Have Been Honoured With Malaysian Datuk Titles

Malaysia has honoured several global celebrities with Datuk titles to recognise their influence, cultural impact, and close ties with the country.

The list includes Bollywood icon Shah Rukh Khan, action legend Jackie Chan, Chinese actress Fan Bingbing, Indonesian singer Rossa, and motorsport figure Jean Todt, all celebrated for their cultural impact, popularity among Malaysians, or contributions that helped strengthen Malaysia's presence on the global stage.

Read more at www.rojakdaily.com.

The Day Tugu Negara Was Attacked

In 1975, early on the morning of August 26, the Tugu Negara (National Monument) in Kuala Lumpur was struck by a bomb planted by suspected communist operatives — one of the statues collapsed and the heads of three figures were blown off.

Within weeks, a public fundraising campaign raised RM 1 million, and the monument was restored by a team including lecturers and students, completing work in April 1977 and reopening in May.

